

# Dr M perjelas alasan terima

6H 27 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menerima semua orang termasuk musuh politiknya menyertai Umno semata-mata untuk memberi mereka peluang meneruskan perjuangan parti dan membangunkan negara.

Malah, Presiden Umno itu berkata, ramai yang pernah bermusuh dengannya diterima semula ke pangkuan Umno dan ada yang benar-benar ikhlas untuk meneruskan perjuangan parti.

"Tetapi di antara mereka tentulah ada orang yang tidak ikhlas, yang saya tidak tahu apa ada dalam hati dia, saya tak boleh baca. Dengan itu, saya terima dengan harapan apa-

bila dia berada di dalam Umno, akan menunjuk kesetiiaannya kepada Umno dan akan melangsungkan perjuangan Umno," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin berhubung kesilapan besar yang dilakukannya apabila membawa masuk anasir revolusioner ke dalam Umno yang tidak menjiwai semangat jati diri parti itu.

Semalam, Zainuddin dilaporkan sebagai berkata, Perdana Menteri terpaksa membayar kesilapan politik itu dengan "harga yang paling mahal", dan menga-

kui antara "anasir revolusioner" itu ialah daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau cuma manusia biasa yang kadang-kala membuat kesilapan yang hanya diketahui kemudian.

"Yalah daripada satu sudut saya salahlah, tapi saya cuma nak bagi peluang kepada semua termasuk musuh-musuh Umno supaya mereka dapat menyertai Umno, meneruskan perjuangan Umno dan dapat membangunkan negara kita.

"Rupa-rupanya ada juga orang yang nak memperalatkan Umno untuk kepentingan dirinya, untuk kepentingan kumpulannya," katanya.

Ditanya sama ada peluang seumpama itu akan ditarik balik, Dr Mahathir berkata: "Mana nak tahu kalau ada orang yang nak masuk Umno, kita nak kata (orang) ini 15 tahun lagi, dia akan menjadi pembebot. Kita tak tahu.

"Kadang-kadang ada orang yang tinggalkan Umno, masuk parti lain, lepas itu rujuk balik (ke Umno) dan mereka kata mereka akan setia. Kita tak boleh baca hati orang. Kita cuma manusia biasa. Kalau kita tak ada percubaan, kita tak tahulah," katanya.

## musuh sertai Umno

Mengenai ahli Umno termasuk Ketua Bahagian yang didapati bersalah dan dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin, Dr Mahathir berkata mereka boleh mengemukakan rayuan kepada sekretariat bebas yang ditubuhkan Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini.

Katanya, jika sekretariat bebas mempunyai fakta tertentu bagi membuktikan kesalahan itu, maka MT akan mengesahkannya.

"Ya, semua orang kata tidak bersalah. Jadi itu akhirnya kalau lembaga rayuan (sekretariat bebas) berpendapat bahawa kes ini mempunyai fakta tertentu, maka kita (MT) akan sahkan.

"Tapi kalau ada was-was,

syak wasangka atau mungkin bukti tidak mencukupi, kita kena ambil kiralah. Kita kena bagi keadilan kepada semua pihak," katanya mengulas rungutan pelbagai pihak yang tidak puas hati dengan keputusan Lembaga Disiplin Umno yang diketuai Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail.

Rabu lalu, Tengku Ahmad Rithauddeen mengumumkan sebelas ahli Umno, termasuk tiga ketua bahagian, didapati bersalah kerana terbabit dengan amalan politik wang dan salah guna kuasa ketika pemilihan peringkat bahagian, April lalu.

Bagaimanapun, Ketua Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim

Mohd Zabidi menafi terbabit dengan politik wang, menganjur jamuan besar-besaran, menyogok wang, memaksa undi atau bermain politik kotor.

Mesyuarat MT 27 Julai lalu menubuhkan sekretariat bebas bagi meneliti rayuan ahli Umno berkaitan tindakan yang dikenakan terhadap mereka oleh Lembaga Disiplin Umno.

Dr Mahathir berkata, mereka yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno berhak mempersoalkan keputusannya kerana tidak berpuas hati.

Oleh sebab itu, katanya, MT menubuhkan badan rayuan supaya mereka boleh mengemukakan rayuan.